



**TEKS UCAPAN
YB LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
PEJABAT BAHARU JPJ CAWANGAN NILA
NEGERI SEMBILAN**

**DI
JPJ CAWANGAN NILAI NEGERI SEMBILAN**

**PADA
11 JUN 2026 (KHAMIS)
11.00 PAGI**

Terima kasih, Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

[RUJUK SALUTASI TERKINI]

KATA ALUAN

Hadirin Yang Saya Kasihi,

1. Saya amat berbesar hati dapat bersama-sama dalam **Majlis Perasmian Pejabat Baharu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Cawangan Nilai, Negeri Sembilan** pada pagi ini. Majlis ini bukan sekadar acara perasmian bangunan, tetapi melambangkan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat.
2. Usaha ini adalah bukti nyata bahawa kerajaan melalui **Kementerian Pengangkutan (MOT)** sentiasa **menunaikan tanggungjawab** untuk memastikan **kemudahan asas** dan **perkhidmatan kerajaan** sampai kepada semua lapisan masyarakat di kawasan Nilai.
3. Dikesempatan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan** dan **ucapan terima kasih** kepada **YBhg. Dato' Aedy Fadly bin Ramli, Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan**, serta seluruh **warga JPJ** atas kesungguhan, disiplin dan semangat kerja berpasukan yang tinggi dalam memastikan projek ini disiapkan dengan jayanya.

4. Tidak dilupakan juga penghargaan kepada **Kerajaan Negeri Sembilan, Pihak Berkuasa Tempatan** dan semua agensi teknikal yang terlibat, atas kerjasama erat yang menjadi faktor utama kejayaan projek ini. Kejayaan ini adalah bukti bahawa apabila **kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri bekerjasama** dengan semangat yang sama berpaksikan kepentingan rakyat.

LATAR BELAKANG

Hadirin Yang Saya Hormati,

5. Projek pembinaan **Pejabat Baharu JPJ Cawangan Nilai** ini dilaksanakan dengan kos pembinaan **sebanyak RM1.7 juta**, menandakan satu lagi pelaburan strategik kerajaan dalam memperkukuh infrastruktur perkhidmatan awam di peringkat daerah. Dengan keluasan **9000 kaki persegi** ini terletak di **tingkat bawah, Blok C, Bangunan Majlis Bandaraya Seremban Cawangan Nilai, Bandar Baru Nilai** menjadikannya lokasi yang amat strategik dan mudah diakses oleh masyarakat setempat.
6. Kedudukan ini bukan sahaja memberi kemudahan kepada rakyat, malah turut menyokong **pertumbuhan ekonomi tempatan**, dengan perkembangan pesat Nilai sebagai hab pendidikan, perindustrian, logistik dan pembangunan komuniti.

7. Kerja pembinaan telah bermula pada **17 Disember 2025**, dengan pemantauan berterusan MOT dan JPJ. Bangunan mula beroperasi sepenuhnya pada **8 Jun 2026**. Pematuhan kepada jadual pelaksanaan ini membuktikan **kecekapan tadbir urus** serta kerjasama erat semua pihak yang terlibat.
8. Nilai merupakan kawasan yang terus berkembang pesat dan memainkan peranan penting dalam **jaringan ekonomi Negeri Sembilan**. Pembinaan cawangan ini akan memberi manfaat besar kepada penduduk setempat dan kawasan berhampiran seperti **Putrajaya, Kajang** dan **Bangi**.
9. Rakyat mempunyai pilihan untuk mencari dan melaksanakan urusan JPJ. Kedudukannya yang strategik menjadikannya **mudah diakses** oleh masyarakat, sekaligus **menjimatkan masa dan kos perjalanan**. Malah, pembukaan JPJ Cawangan Nilai adalah sebahagian usaha **menaik taraf pejabat JPJ** dengan konsep **lebih moden dan mesra pelanggan**.

HASIL DAN PENCAPAIAN

Hadirin Yang Saya Kasihi,

10. Saya ingin menegaskan bahawa kerajaan akan terus memastikan **setiap sen** yang dibelanjakan dalam pembangunan memberikan manfaat maksimum kepada

rakyat. Pendekatan “**Kerajaan Berfokuskan Rakyat**” ini adalah teras utama pentadbiran **MADANI** yang sentiasa mendahulukan keperluan rakyat di setiap peringkat pelaksanaan dasar.

11. Untuk makluman juga , kerajaan melalui **Kementerian Pengangkutan (MOT)** akan melaksanakan pembangunan semula pejabat JPJ Negeri Sembilan di bawah ***Rolling Plan 1, Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13)***.

PENUTUP

Hadirin Yang Saya Kasihi,

12. Saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada pihak yang terlibat atas kejayaan menjayakan projek ini. Saya percaya kemudahan baharu ini akan menjadi **katalis** kepada **peningkatan mutu perkhidmatan, memantapkan kecekapan operasi serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap JPJ** sebagai agensi **berintegriti, profesional dan berpaksikan rakyat**.
13. Dengan ini, saya dengan sukacitanya **merasmikan Pejabat Baharu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Cawangan Nilai, Negeri Sembilan**.
14. Sekian terima kasih.